

Ucapan: 17/07/2017

Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara;

Yang Berbahagia Tan Sri Othman bin Haji Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia CP Dato' Zamri bin Yahya

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Ketua - ketua Setiausaha dan Perkhidmatan,

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Penerima –penerima Anugerah

wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini di Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016.
2. Pembudayaan pengurusan keselamatan disetiap agensi kerajaan merupakan **salah satu teras kesempurnaan integriti perkhidmatan awam**. Disamping meningkatkan **pematuhan penjawat awam terhadap proses dan prosedur keselamatan**, pengurusan keselamatan perlu diberi penekanan yang sewajarnya dalam **mengelakkan sebarang kebocoran maklumat rasmi atau rahsia kerajaan**. Ia juga penting untuk memastikan **keselamatan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan komunikasi tidak terjejas dengan ancaman siber seperti *spamware* dan *malware***.
3. Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan telah diperkenalkan sejak tahun 2013, bagi memberi pengiktirafan ke atas tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik diperingkat Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.
4. Saya telah difahamkan, penilaian telah dilaksanakan terhadap **185 Agensi Kerajaan** di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 45 buah Agensi Kerajaan telah diperakukan berstatus CEMERLANG (LIMA BINTANG)**. Syabas diucapkan!

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Saya berharap, anugerah dan penghargaan ini akan terus menjadi pemangkin dan pendorong kepada agensi kerajaan, dalam usaha mengekalkan kecemerlangan pengurusan keselamatan perlindungan.
6. Ketua-ketua jabatan juga diharapkan akan dapat meneruskan aktiviti atau program peningkatan kesedaran keselamatan secara berterusan di organisasi masing-masing.

Malah, Kementerian serta Jabatan Kerajaan hendaklah sentiasa bersedia menghadapi dan menangani risiko keselamatan dalam arus perubahan persekitaran yang semakin dinamik dan mencabar.

7. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016. Saya berharap agar semua agensi yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini, dan terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.
8. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini “Merasmikan Majlis Anugerah Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016”.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19084/Majlis-Anugerah-Khas-Keselamatan-Perlindungan-2016>